



DATUK AYUB HAJI AMAN

Pecahan jumlah kerusi Dewan Negeri dan Parlimen di Sabah

Parti	DUN	Parlimen
PBS	40	10
Usno	7	5
Berjaya	1	-
DAP	-	4
Bebas	-	1
JUMLAH	48	20



ENCIK AHMAD SHAH

PRS gugat kerajaan atau pembangkang?

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Oleh LICHONG ANGKUI

KELAHIRAN Parti Rakyat Sabah (PRS), diketuai oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr James Ongkili, dalam gelanggang politik Sabah menimbulkan suasan dan persoalan baru mengenai arah politik negeri ini.

Kemunculan semula Datuk Dr Ongkili setelah lama mendiamkan diri selepas bersara daripada kabinet Persekutuan juga membangkitkan tanda tanya mengenai aliran politik Sabah, sediak-tidaknya bagi jangkaan masa kini.

Apakah PRS akan senjakas dengan parti politik yang "melukut di tepi gantang" lain? Hanya keadaan menentukan. Sejarah membuktikan, banyak parti politik tumbuh sebelum pilihanraya tetapi hilang semula selepas tewas.

Walaupun pilihanraya umum negeri hanya akan diadakan pada 1991, tetapi kelahiran PRS itu semacam secara tiba-tiba itu riak-riak politik yang girang. Kemunculan menjadi tanda-tanda harapan menjadi alternatif kepada kegersangan dan kemelut yang membelit suasan politik Sabah selama ini?

Kedua, dengan kesatuan bekas pemimpin Berjaya dalam PRS, dapatkah ia menggembangi keyakinan rakyat secara rasmi mengenai konsep dan ideologi pebalak kaum atau *multi-racial* yang diakuinya sebagai payung perjuangan dan asas perlembagaan?

Datuk Dr Ongkili, bekas penasihat Berjaya dan tokoh **JADU** yang berasal dari Tamparuli, mengasaskan PRS Bersama, menentang PRS Berjaya yang meninggalkan parti itu selepas tewas kepada Parti Bersatu Sabah (PBS) dalam pilihanraya umum negeri pada April 1985.

Mereka ialah bekas Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, Tan Sri Haji Sunoh Marso (sebagai Timbalan Presiden PRS); bekas Pembantu Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Terenggan, Datuk Ayub Haji Aman (Setiausaha Agung); bekas Menteri Tenaga Rakyat dan Alam Sekitar, Encik Stephen Wong (Bendahari).

Ahli Majlis Tertinggi (MT) yang lain termasuk bekas Pembantu Menteri Pembangunan Sumber, Encik Yapin Gimpoton; bekas Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Encik Ahmad Shah Tambakau dan bekas ahli MT Berjaya, Haji Jasin Pliut.

Tentu apa menubuhkan parti politik, khususnya PRS, walhal sudah banyak "parti nyamuk" gugur dan tumpah dalam perjuangan mereka. Adakah ia cuba menawarkan kepelimpahan politik baru yang ideal?

Menurut Datuk Dr Ongkili: "PRS bukan bertujuan mencah parti politik yang sedia ada di negeri ini, tetapi menuju terus kepada rakyat dan meniadakan mereka corak kepemimpinan adil dan demokratik."

Katanya, konsep utama PRS ialah pebalak kaum. Mengikut perlembagaannya, PRS mempunyai tiga timbalan presiden iaitu mewakili Bumiputera bukan Islam, Bumiputera Islam dan Cina.

Tumpuan utamanya ialah kira-kira 120,000 pengundi yang belum mengundi mana-mana parti politik di negeri ini," kata Datuk Dr Ongkili. Beliau berkata aktif terbahru Siruhanjaya Pilihanraya Negeri menunjukkan ada kira-kira 475,000 pengundi berdaftar di Sabah. Dianggarkan kira-kira satu pertiga daripada jumlah itu tidak menganggotai mana-mana parti politik.

Menurutnya, pendaftaran PRS dituluskan pada 20 Januari lalu dan berancang untuk menyertai komponen Barisan Nasional (BN).

Dengan kelahiran PRS itu menjadikan Sabah sebagai sebarang kerulangnya 10 parti politik kesemuanya. Selain PBS sebagai parti pemerintah, hanya dua parti pembangkang iaitu Usno dan Berjaya anggap aktif dan mempunyai kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sabah.

Mengimbangi sejarah perkembangan parti politik mutakhir di Sabah, memang tidak dinafikan gelagat dan kepelbagaiannya. Alirannya tidak menentu, kerap berkolok mengikut selera dan peredaran masa.

Jika dirungtu, sejak selepas merdeka Sabah mempunyai sekurang-kurangnya 10 parti politik. Tetapi sebahagian besarnya hanya muncul dan bersuara lantang ketika menjelang pilihanraya, tetapi senyap semula selepas tewas. Ia masih terbukti sehingga kini. Hanya dua tiga parti politik mampu bertahan terus dalam alunan samudera politik tanahair.

Mengikuti catatan, semangat berpolitik di Sabah berputik sebelum merdeka walaupun mungkin ia agak terkemudian berbanding di Semenanjung. Parti politik pertama di Sabah ialah United National Kadazan Organisation (Unko) ditubuhkan pada Ogos 1961, tiga bulan selepas Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan penubuhan Malaysia pada 27 Mei 1961. Unko dipimpin oleh Donald Stephen (kemudian Tun Mohd Fuad Stephen).

Pada Jun 1962, sebahag lain parti politik dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Pasok Momogun (lebih dikenali sebagai Pasok Momogun) tajaan OKK Sedomon dan G S Sundang ditubuhkan.

Dengan kelahiran dua parti politik itu, semangat berpolitik di kalangan rakyat Sabah ketika itu semakin membara. Hasilnya, Unko dan Pasok Momogun bergabung dan membentuk Parti Pertubuhan Kadazan Pasok-Momogun Bersatu (Upko) pada tahun 1964.

Sebelum itu, pada Disember 1961 Tun Mustapha Datu Harun melancarkan Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (Usno). Menyedari keadaan itu, kaum Cina turut menubuhkan parti mereka - United Party dan Demokratic Party - yang akhirnya bercantum menjadi Borneo Utara National Party (Bunap).

Setelah Sabah merdeka, Bunap dikenali sebagai Sabah National Party (Sanap). Parti lain sebelum merdeka termasuk Sabah Chinese Association (SCA) dan Sabah Indian Congress (SIC). Bagaimanapun, kemudia parti itu bergabung menjadi satu pada Ogos 1962 dan dikenali sebagai Perikatan Sabah.

Setelah merdeka, parti politik terus tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Antaranya termasuk Unko pada 1975, Sedar (1976), Pesaka (1977), SCCP (1978), Pasok Momogun dan Bersih (1984), Bersepadu (1984) dan Bersih (1984).

Ini tidak termasuk parti politik yang "melukut di tepi gantang" seperti Parti Murut Sabah (PMS) dan Parti Cina Sabah (PCS) yang lahir selepas Berjaya tewas kepada PBS pada tahun 1985.

Dengan kemunculan PRS dalam arena politik Sabah, bermakna satu perkembangan terbaru dalam perkembangan semangat berpolitik.

Tetapi persoalannya kini, dapatkah ia menjadi wadah kepemimpinan ideal dan sejati? Apa pun anggapan mengenai keupayaan PRS, hanya waktu dan keadaan menentukan. Seperti yang dikemukakan oleh Datuk Dr Ongkili, Sabah sukar diramalkan.

Ferikiran itu biarlah menjadi perhitungan saja. Persoalan sama tak di PRS mampu mengugat keutuhan parti pemerintah PBS serta lain da PRS yang Sabah sendiri, terutama para pengundi. Kemunculan PRS itu bagaimanapun sekurang-kurangnya memberi satu takhta kerajaan.

Walaupun kini jumlah kerusi dan kedudukan PBS dalam dewan negeri boleh dikatakan kukuh, tetapi tidak mustahil jika suatu hari kesempat melampai. Ini disebabkan politik Sabah terkenal dengan mengajir kepentingan peribadi.

Hakkikat ini mungkin tidak tips lebih-lebih lagi dalam dewan negeri boleh ditunjukkan pakatan mengahadapi pilihanraya. Parti ini di Dewan Undangan Negeri Sabah, PBS menguasai 40 daripada 48 kerusi kesemuanya, tidak termasuk enam anggota Dewan Undangan Negeri yang dilantik. Dengan 46 Adun kesemuanya, bertuju kerusi dewan negeri dimiliki oleh Usno manakala Berjaya tuk Haji Mohd Nor Haji Mansoor. Bagi kerusi Parlimen pula, PBS menguasai 10 daripada 20 kawasan. Lima kerusi milik Usno, rakan PBS dalam BN, DAP mempunyai empat dan satu kawasan bebas.



DATUK DR JAMES ONGKILI